

## **HAK DAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: MEREALISASIKAN TERAS KESEJAHTERAAN SOSIAL RMK-13 MELALUI LENSA MAQASID SYARIAH**

Abdul Muiz Hazban <sup>i</sup>, Khairulnazrin Nasir <sup>ii</sup>, Ishak Suliaman <sup>iii</sup>, Rahim Kamarul Zaman <sup>iv</sup>, Khalilullah Amin Ahmad <sup>v</sup>, Ikmal Adnan <sup>vi</sup>

<sup>i</sup> Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: ibnuhazban10@gmail.com

<sup>ii</sup> (Corresponding author). Akademi Pengajian Islam, Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC), Bachok, Kelantan, Malaysia. Emel: khairulnazrin@um.edu.my

<sup>iii</sup> Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: ishaks@um.edu.my

<sup>iv</sup> Fakulti Usuluddin dan al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 16010 Kota Bharu, Malaysia. Emel: abdulrahimkz51@gmail.com

<sup>v</sup> Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800, Pulau Pinang, Malaysia. Emel: amin@usm.my

<sup>vi</sup> Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia. Emel: ikmal.adnan87@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis secara kritis kerangka dasar Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) yang memberi penekanan khusus kepada hak dan perlindungan kanak-kanak melalui perspektif Maqasid Syariah. RMK-13, dengan tema “Melakar Semula Pembangunan”, secara eksplisit meletakkan kesejahteraan kanak-kanak sebagai teras pembangunan negara, selari dengan falsafah Ekonomi MADANI yang berlandaskan iktikad Maqasid Syariah. Kajian ini mempunyai rasional akademik bahawa isu perlindungan kanak-kanak bukan sahaja bersifat kebajikan, tetapi merupakan agenda pembangunan strategik yang menentukan daya tahan masyarakat masa hadapan. Kajian ini menggunakan metodologi analisis kandungan kualitatif terhadap dokumen RMK-13, nas-nas syarak, serta literatur perundangan kontemporari bagi menilai keselarasan dasar negara dengan lima objektif utama Syariah (al-Dharuriyyat al-Khamsah): pemeliharaan agama (Hifz al-Din), nyawa (Hifz al-Nafs), akal (Hifz al-‘Aql), keturunan (Hifz al-Nasl), dan harta (Hifz al-Mal). Hasil analisis mendapati bahawa inisiatif utama RMK-13, termasuk reformasi pendidikan awal (Strategi B1.3), pemerkasaan kesihatan dan nutrisi (Strategi B4.6), serta pengukuhan kerangka perlindungan perundangan dan digital (Strategi B4.6), merupakan manifestasi ijtihad kontemporari dalam menterjemahkan prinsip Syariah kepada dasar yang pragmatik. Peranan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut dianalisis sebagai instrumen negara yang menghubungkan Maqasid Syariah dengan realiti pentadbiran moden. Sumbangan utama artikel ini ialah memperlihatkan bagaimana kerangka dasar pembangunan negara dapat ditafsirkan melalui lensa Maqasid Syariah dan secara keseluruhan, penemuan ini juga menegaskan implikasi praktikal bahawa dasar berteraskan Maqasid mampu memperkukuh legitimasi kerajaan, meningkatkan keberkesanan perlindungan sosial, dan membina generasi masa hadapan yang sejahtera secara holistik, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

**Kata-kata kunci:** Hak Kanak-Kanak, Kesejahteraan Sosial, Maqasid Syariah, Falsafah Islam, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)

## PENGENALAN

Kanak-kanak merupakan aset paling berharga dan penentu kelestarian masa depan sesebuah negara. Pengiktirafan terhadap hak, perlindungan, dan pembangunan holistik mereka bukan sahaja menjadi kayu ukur kemajuan sesebuah tamadun, malah merupakan satu tanggungjawab asasi yang merentasi sempadan budaya dan agama. Di Malaysia, kepentingan strategik kumpulan ini amat jelas; data menunjukkan bahawa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun membentuk 27.4% daripada keseluruhan populasi negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Angka ini menggariskan betapa mustahaknya untuk meletakkan kesejahteraan mereka sebagai paksi utama dalam setiap kerangka perancangan pembangunan nasional. Kegagalan untuk melabur dalam potensi mereka pada hari ini akan membawa implikasi yang mendalam terhadap kestabilan sosial dan kemakmuran ekonomi negara pada masa hadapan.

Menyedari hakikat ini, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) bagi tempoh 2026-2030 tampil dengan anjakan paradigma yang signifikan (Unit Perancang Ekonomi, 2025). Dengan tema "Melakar Semula Pembangunan", dokumen strategik ini bukan lagi dilihat sebagai perancangan ekonomi konvensional semata-mata, tetapi sebagai satu wawasan komprehensif yang berakar umbi pada falsafah dan nilai. Hal ini ditegaskan secara eksplisit dalam Prakata oleh Perdana Menteri, di mana RMK-13 (Unit Perancang Ekonomi, 2025) dinyatakan sebagai "usaha dan upaya Kerajaan dalam mencakup hasrat rakyat yang dipasak pada iktikad "Maqasid Syariah". Penegasan ini amat penting kerana ia secara rasmi meletakkan objektif-objektif luhur Syariah sebagai landasan falsafah di sebalik dasar pembangunan negara. Teras utama RMK-13 untuk "menaikkan lantai kehidupan rakyat yang memenuhi hak manusiawi" dan "membangunkan sistem sosial yang dapat menjamin kehidupan wajar dan bermaruah" secara langsung membuka ruang untuk menganalisis dasar-dasar yang digariskan melalui lensa Maqasid Syariah.

Justeru, artikel ini menghujahkan bahawa inisiatif-inisiatif berpusatkan kanak-kanak yang terkandung dalam RMK-13 merupakan manifestasi kontemporari yang jelas bagi kelima-lima prinsip teras Maqasid Syariah (al-Dharuriyyat al-Khamsah). Pelaksanaan dasar-dasar ini, yang diterajui oleh agensi-agensi kerajaan utama, dilihat sebagai satu bentuk ijtihad jama'i (ijtihad kolektif) oleh negara dalam menterjemahkan prinsip Maqasid yang bersifat qat'i (definitif) kepada dasar-dasar awam yang pragmatik dan kontekstual. Analisis ini akan membedah strategi-strategi utama RMK-13 dalam domain pendidikan, kesihatan, dan perlindungan, lalu memetakannya secara sistematik kepada prinsip pemeliharaan agama (Hifz al-Din), nyawa (Hifz al-Nafs), akal (Hifz al-Aql), keturunan (Hifz al-Nasl), dan harta (Hifz al-Mal).

Melalui pendekatan ini, artikel ini akan membuktikan bahawa RMK-13 bukan sekadar merangka program kebajikan, tetapi melancarkan satu pelaburan strategik yang selari dengan falsafah perundangan Islam untuk membina generasi masa hadapan yang sejahtera secara holistik, berdaya tahan, dan berakhlak mulia.

Struktur artikel ini akan dimulakan dengan ulasan kajian lepas yang merangkumi tiga domain utama: evolusi aplikasi Maqasid Syariah dalam dasar awam, hak kanak-kanak dalam kerangka perundangan Islam, serta perundangan dan cabaran semasa di Malaysia. Ini diikuti dengan perincian metodologi kajian yang digunakan. Bahagian seterusnya, yang menjadi teras perbincangan, akan menganalisis dapatan kajian dengan memetakan dasar-dasar RMK-13 kepada prinsip-prinsip Maqasid Syariah, di samping membincangkan peranan agensi pelaksana dan cabaran yang wujud. Akhir sekali, artikel ini akan diakhiri dengan kesimpulan yang merumuskan hujah utama serta mengemukakan implikasi dasar dan cadangan untuk penyelidikan pada masa hadapan.

## **KAJIAN LITERATUR**

Perbincangan mengenai hak dan perlindungan kanak-kanak dalam kerangka dasar negara yang berlandaskan Maqasid Syariah memerlukan pemahaman yang bersepadu merentasi tiga bidang ilmu yang saling berkaitan: [pertama] evolusi dan aplikasi Maqasid Syariah dalam dasar awam, [kedua] konseptualisasi hak kanak-kanak dalam tradisi perundangan Islam, serta [ketiga] analisis terhadap kerangka perundangan dan cabaran-cabaran semasa di Malaysia. Ulasan ini akan mensintesis literatur daripada ketiga-tiga bidang ini untuk membina landasan teoritikal dan kontekstual bagi kajian ini.

### **1. Evolusi dan Aplikasi Maqasid Syariah dalam Dasar Awam**

Maqasid Syariah, atau objektif-objektif luhur di sebalik perundangan Islam, telah melalui evolusi wacana yang dinamik. Ia bermula daripada asas yang diletakkan oleh ulama klasik seperti Imam al-Ghazali (m. 1111M) dalam karyanya *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* dan diformulasikan secara sistematik oleh Imam al-Syatibi (m. 1388M) dalam magnum opusnya, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Pada peringkat awal, Maqasid difahami sebagai falsafah di sebalik hukum-hakam (fiqh) untuk menjelaskan hikmah pensyariatan dan berfungsi sebagai alat untuk ijtihad dalam isu-isu baharu (Mutalib et al., 2024; Mazuki et al., 2024; Man, 2022). Fokus utamanya adalah untuk merealisasikan kemaslahatan (maslahah) dan menolak kerosakan (mafsadah) melalui pemeliharaan lima perkara asas (*al-Dharuriyyat al-Khamsah*) (Mohd Zain & Engku Ali, 2017).

Memasuki era moden, pemikir-pemikir Islam kontemporari seperti Muhammad al-Tahir Ibn 'Asyur (m . 1973), Jasser Auda, dan Mohammad Hashim Kamali telah memperluas aplikasi Maqasid melangkaui domain perundangan individu (fiqh al-fard) kepada skop yang lebih luas merangkumi tadbir urus negara (siyashah syar'iyah) dan dasar awam (Muhaki & Aziz, 2024). Jasser Auda, misalnya, mengemukakan pendekatan sistem yang melihat Maqasid sebagai kerangka holistik untuk pembangunan manusia yang merangkumi aspek kognitif, keterbukaan, dan kebertujuan (Umamah et al., 2023). Di Malaysia, wacana ini mendapat tempat yang signifikan, di mana sarjana tempatan dan institusi seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) giat membahaskan aplikasinya dalam konteks negara (Azhar et al. 2025; IKIM, 2025; Syahnan & Matsum, 2023; Abdullah, 2022; Azilah et al. 2018)

Peralihan ini mencapai kemuncaknya apabila Maqasid Syariah mula dirujuk secara eksplisit dalam dokumen-dokumen dasar negara. Inisiatif seperti Indeks Syariah Malaysia yang dilancarkan pada tahun 2015 merupakan usaha rintis untuk mengukur tahap pematuhan dasar-dasar kerajaan terhadap prinsip Maqasid (Maulida & Ali, 2023; Ismail & Mutalib, 2022; Hasan et al., 2021; Yusoff & Mokhtar, 2021; JAKIM, 2015). Taklimat khusus mengenai Maqasid Syariah dalam pembangunan RMK-13 yang dianjurkan oleh Kementerian Ekonomi turut menandakan bahawa kerangka ini bukan lagi sekadar wacana akademik, tetapi telah menjadi sebahagian daripada proses penggubalan dasar negara (Kementerian Ekonomi, 2025). Transformasi wacana ini amat signifikan; ia memperlihatkan anjakan daripada Maqasid sebagai alat justifikasi (untuk menghalalkan dasar yang sedia ada) kepada Maqasid sebagai kerangka inspirasi dan reka bentuk dasar awam yang proaktif. Pengiktirafan RMK-13 terhadap Maqasid sebagai "iktikad" mengesahkan peralihan ini, di mana objektif Syariah menjadi falsafah asas yang membentuk hala tuju pembangunan, bukan sekadar senarai semak pematuhan (Ali et al., 2024; Yasin et al., 2024; Saad, 2023; Wimra et al., 2023).

## **2. Hak Kanak-Kanak dalam Perspektif Islam**

Kerangka perundangan Islam (fiqh) memberikan penekanan yang amat tinggi terhadap hak dan perlindungan kanak-kanak, yang berakar umbi daripada sumber-sumber primer iaitu al-Quran dan Sunnah. Hak yang paling asasi ialah hak untuk hidup (Shaputra & Wartadi, 2024; Hazin et al., 2021; Salfutra, 2018; Amin 2015), yang juga ditegaskan melalui larangan membunuh anak kerana takutkan kemiskinan (QS al-Isra' : 31). Ini merupakan manifestasi jelas prinsip Hifz al-Nafs (pemeliharaan nyawa). Islam juga mengiktiraf hak kanak-kanak untuk mendapat nasab yang sah, yang berkait rapat dengan Hifz al-Nasl (pemeliharaan keturunan), bagi memastikan identiti, maruah, dan hak-hak pewarisan mereka terjamin (Jauhari & Hasballah Thaib, 2023; Lisma & Nikmah, 2021).

Selain itu, hak-hak lain yang dijamin termasuklah hak penyusuan selama dua tahun penuh (QS al-Baqarah : 233), yang kini difahami dalam konteks moden sebagai hak untuk mendapat nutrisi dan pemakanan yang terbaik pada peringkat awal kehidupan (Ruwiyah et al., 2021; Musa et al., 2021; Mohd et al., 2021). Hak untuk mendapat nafkah (makanan, pakaian, tempat tinggal) daripada bapa adalah satu kewajipan yang tidak boleh diabaikan (Marbun & Simamora, 2025; Rizal et al., 2024; Ali, 2022). Pendidikan (tarbiyah) juga merupakan hak asasi yang amat dititikberatkan (Abdalla, 2025; Rabani, 2024; Yenni et al., 2024), selari dengan prinsip Hifz al-Aql (pemeliharaan akal). Hadith Nabi SAW yang menggesa ibu bapa untuk "memuliakan anak-anakmu dan perbaikilah pendidikan mereka" (HR Ibn Majah) menjadi dalil utama tanggungjawab ini.

Di samping itu, Islam turut menekankan hak kanak-kanak untuk dilayan dengan adil dan saksama (Hazban et al., 2025), tanpa diskriminasi jantina, seperti yang ditunjukkan dalam hadith mengenai larangan Nabi SAW untuk menjadi saksi ke atas pemberian yang tidak adil antara anak-anak (HR Bukhari). Kesemua hak ini, apabila dianalisis, secara kolektif menyumbang kepada pencapaian al-Dharuriyyat al-Khamsah, menunjukkan bahawa perlindungan kanak-kanak adalah sebahagian daripada teras Maqasid Syariah itu sendiri (Saiman & Mahadzir, 2024; Aziz, 2023).

### **3. Perundangan dan Cabaran Perlindungan Kanak-Kanak di Malaysia**

Malaysia mempunyai kerangka perundangan yang komprehensif bagi melindungi kanak-kanak, dengan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] sebagai statut utamanya (Ikhsan et al., 2024; Misni & Kadir, 2024). Akta ini, yang menggabungkan tiga akta terdahulu, menyediakan peruntukan bagi pemeliharaan, perlindungan, dan pemulihan kanak-kanak, selari dengan prinsip Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995 (Ernawati et al., 2023; Mubarak, 2022; Mohd et al., 2022). Pindaan pada tahun 2016 telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan, termasuk penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak dan peningkatan penalti bagi kesalahan penderaan, menunjukkan komitmen berterusan kerajaan untuk memperkukuh jaringan keselamatan bagi kanak-kanak (Gofur et al., 2023).

Menurut Randawar et al. (2025), analisis terhadap Akta 611 menunjukkan bahawa ia menggabungkan elemen keadilan pemulihan (restorative justice) dan bukan hanya punitif, yang selari dengan pendekatan holistik Maqasid yang mengutamakan pemulihan (islah) berbanding hukuman semata-mata. Namun, di sebalik kerangka perundangan yang mantap ini, pelaksanaan di lapangan masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Jurang antara undang-undang dan realiti ini menjadi konteks kritikal bagi menilai keperluan dan kerelevanan inisiatif dalam RMK-13. Isu malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia kekal membimbangkan, dengan prevalens bantut dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun mencecah 13.8% berdasarkan dapatan SEANUTS II Malaysia 2019 - 2020 (Poh et al., 2023). Kajian-kajian tempatan turut menunjukkan bahawa faktor seperti masalah pemakanan, berat lahir rendah, dan ketinggian ibu yang rendah secara signifikan meningkatkan risiko bantut (Aprilini et al., 2025; Osman, 2024). Justeru, integrasi dasar yang lebih menyeluruh dan bersasar amat diperlukan bagi menangani isu ini secara holistik.

Statistik penderaan fizikal dan emosi pula menunjukkan angka yang membimbangkan, menurut The Rakyat Post (2024), sebanyak 2,240 kes penderaan kanak-kanak direkodkan setakat Ogos 2024. Di alam digital, eksploitasi seksual kanak-kanak dalam talian (online child sexual exploitation and abuse atau OCSEA) dan bahan penderaan seksual kanak-kanak (child sexual abuse material atau CSAM) telah menjadi ancaman digital yang serius, dengan data menunjukkan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima sebanyak 93,368 alamat IP yang disyaki terlibat dalam pornografi kanak-kanak melalui sistem perkongsian maklumat antarabangsa, namun hanya 103 alamat IP yang berjaya disemak dan membawa kepada penangkapan 50 individu, menggambarkan jurang besar dalam sumber dan kapasiti penyiasatan (Tajudin et al., 2023).

Menurut Tajudin et al. (2023), situasi ini diburukkan lagi dengan fakta bahawa 83.2% pengguna internet di Malaysia adalah kanak-kanak berumur 5 hingga 17 tahun, dengan 93% daripada mereka mempunyai akses internet melalui telefon pintar.

Ancaman digital ini semakin meningkat semasa pandemik COVID-19, di mana kajian mendapati 87.7% responden mengalami tahap sederhana gangguan seksual dalam talian, manakala 72.9% mengalami tahap tinggi pengedaran phishing/malware dalam talian, menunjukkan peningkatan aktiviti jenayah siber yang ketara termasuk eksploitasi seksual kanak-kanak (Tharshini et al., 2022). Dianggarkan sebanyak 100,000 kanak-kanak di Malaysia menghadapi risiko eksploitasi dan penderaan seksual dalam talian, menjadikan isu ini sebagai salah satu cabaran keselamatan digital yang paling kritikal di negara ini (Tajudin et al., 2023).

Berdasarkan ulasan literatur ini, dapat dirumuskan bahawa wujud jurang penyelidikan yang jelas. Walaupun kajian mengenai Maqasid, hak kanak-kanak dalam Islam, dan dasar sosial di Malaysia telah banyak dijalankan secara berasingan, masih kurang analisis bersepadu yang secara khusus membedah dokumen perancangan strategik negara yang terkini seperti RMK-13. Kajian yang memetakan secara sistematik setiap strategi dalam RMK-13 kepada kerangka Maqasid Syariah, sambil mengambil kira konteks cabaran semasa, adalah amat diperlukan. Artikel ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menyediakan satu analisis kritis yang menghubungkan teori, dasar, dan realiti dalam satu kerangka perbincangan yang tersusun.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan (content analysis) (Krippendorff, 1989) dan analisis tekstual (textual analysis) (Bernard & Ryan, 1998). Pendekatan ini dipilih kerana ia amat bersesuaian untuk mentafsir, menganalisis, dan memahami secara mendalam makna yang terkandung dalam dokumen dasar, teks perundangan, serta nas-nas primer syarak yang menjadi teras kepada perbincangan ini. Reka bentuk ini membolehkan penyelidik meneroka hubungan konseptual antara prinsip-prinsip Maqasid Syariah yang bersifat teoritikal dengan inisiatif-inisiatif dasar awam yang bersifat praktikal dalam RMK-13.

Sumber data bagi kajian ini dibahagikan kepada dua kategori utama: sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer iaitu sumber utama yang menjadi fokus analisis ialah Dokumen Utama Rancangan Malaysia Ke-13 (2026-2030) yang diterbitkan oleh Kementerian Ekonomi (Unit Perancang Ekonomi, 2025). Di samping itu, nas-nas syarak yang menjadi asas kepada kerangka Maqasid Syariah, iaitu Al-Quran al-Karim, dan kitab-kitab hadith utama (Kutub al-Sittah), turut diklasifikasikan sebagai sumber primer dalam konteks justifikasi syarak. Manakala sumber sekunder pula menyokong dan memperkaya analisis, pelbagai sumber sekunder telah digunakan.

Ini termasuklah jurnal-jurnal akademik berindeks Scopus dan Web of Science yang membahaskan topik Maqasid Syariah, hak kanak-kanak, dan dasar sosial di Malaysia. Karya-karya tafsir al-Quran dan syarah hadith digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam terhadap nas-nas yang berkaitan. Statut perundangan Malaysia seperti Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] dan pindaannya turut dirujuk untuk memahami kerangka perundangan sedia ada (Mohd Zahir & Aiman Hakimi Hasmadi, 2022). Selain itu, laporan-laporan yang diterbitkan oleh agensi kerajaan seperti KPWKM, KKM, KPM, dan badan antarabangsa seperti UNICEF menjadi sumber data empirikal mengenai cabaran semasa yang dihadapi (UNICEF, 2023).

Prosedur analisis data dalam kajian ini dijalankan melalui beberapa langkah yang sistematik mengikut Terry et al. (2017) iaitu [pertama] pengekstrakan data melibatkan pengekstrakan semua dasar, strategi, dan inisiatif yang berkaitan secara langsung dengan hak, perlindungan, dan kesejahteraan kanak-kanak daripada dokumen RMK-13. [kedua] pengekstrakan tematik berkaitan inisiatif-inisiatif yang telah diekstrak kemudiannya dikategorikan mengikut domain utama seperti pendidikan, kesihatan dan nutrisi, perlindungan perundangan, perlindungan digital, serta pengukuhan institusi. [ketiga] pemetaan Maqasid, setiap kategori inisiatif ini kemudiannya dipetakan kepada lima prinsip teras Maqasid Syariah (al-Dharuriyyat al-Khamsah). Proses pemetaan ini menggunakan data daripada dokumen RMK-13. [keempat] analisis hermeneutik iaitu melibatkan pentafsiran hubungan antara dasar yang digariskan dan prinsip Maqasid yang berkaitan. Proses ini diperkaya dengan merujuk kepada nas-nas al-Quran dan hadith, serta pandangan ulama klasik dan kontemporari, untuk memberikan justifikasi syarak dan kedalaman analisis terhadap setiap pemetaan yang dibuat. [kelima] proses sintesis iaitu proses akhir, kesemua dapatan daripada langkah-langkah sebelumnya disintesis untuk membina satu hujah yang tersusun dan bersepadu. Proses sintesis ini bertujuan untuk menunjukkan secara konklusif bagaimana RMK-13 menterjemahkan falsafah Maqasid Syariah ke dalam dasar awam yang pragmatik dan bertujuan untuk merealisasikan kesejahteraan sosial bagi kanak-kanak di Malaysia.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis mendalam terhadap dokumen Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) mendedahkan satu kerangka dasar yang komprehensif dan bersepadu bagi hak serta perlindungan kanak-kanak. Apabila diteliti melalui lensa Maqasid Syariah, inisiatif-inisiatif ini bukan lagi kelihatan sebagai program kebajikan yang terpisah, tetapi sebagai satu strategi pembangunan yang berakar umbi pada falsafah perundangan Islam. Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas, hubungan antara inisiatif-inisiatif utama RMK-13, prinsip Maqasid, dan agensi pelaksana dapat dirumuskan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Pemetaan Inisiatif RMK-13 Berkaitan Kanak-Kanak dengan Prinsip Teras Maqasid Syariah

**Jadual 1: Pemetaan Inisiatif RMK-13 Berkaitan Kanak-Kanak dengan Prinsip Teras Maqasid Syariah**

<u>Prinsip Maqasid Syariah</u>	<u>Inisiatif Strategik RMK-13</u>	<u>Kementerian/Agensi Penerima</u>	<u>Analisis Hubungkait &amp; Implikasi</u>
<b>Hifz al-Nafs (Memelihara Nyawa)</b>	Memperkuh inisiatif "1,000 Hari Pertama Kehidupan Anak" (hlm. 3–20)	KKM, KPWK	Integrasi langsung untuk melindungi nyawa dan kesihatan pada peringkat paling rentan, mencegah pembantutan dan memastikan asas fizikal serta kognitif yang optimum.
	Melaksanakan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Memerangi Beban Berganda Malnutrisi (hlm. 3–21)	KKM, KPM	Strategi kesihatan awam moden yang menangani ancaman serentak kekurangan zat makanan dan obesiti, melindungi kesihatan kanak-kanak daripada penyakit berkaitan pemakanan.
	Memperluas dan mempertingkatkan "Skim Perubatan MADANI" (hlm. 3–15)	KKM, MOF	Jaringan keselamatan kesihatan yang memastikan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah mendapat akses kepada rawatan, justeru memelihara nyawa dan mencegah penyakit daripada menjadi lebih serius.

<b>Prinsip Maqasid Syariah</b>	<b>Inisiatif Strategik RMK-13</b>	<b>Kementerian/Agensi Peneraju</b>	<b>Analisis Hubungkait &amp; Implikasi</b>
<b>Hifz al-'Aql (Memelihara Akal)</b>	Mewajibkan pendidikan prasekolah pada usia lima tahun & memulakan pendidikan rendah pada usia enam tahun (hlm. 3-6)	KPM, KKDW, KPN	Memastikan setiap kanak-kanak mendapat akses sejagat kepada pendidikan asas pada usia yang sesuai untuk perkembangan, membina asas yang kukuh untuk pembelajaran sepanjang hayat.
	Mewajibkan pemakaian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan & mempertingkatkan kurikulum sekolah rendah (hlm. 3-6)	KPM, KEMAS, JPNIN	Menyeragamkan kualiti dan memperkayakan kandungan pendidikan untuk memupuk pemikiran kritis, literasi digital, dan kemahiran abad ke-21, secara langsung memelihara dan mempertingkatkan intelek.
	Memperluas akses kepada pendidikan keperluan khas (hlm. 3-6)	KPM, KPWKM	Menjamin hak pendidikan untuk kanak-kanak kurang upaya, memastikan potensi intelek mereka dapat dibangunkan sepenuhnya selaras dengan prinsip keadilan dan keterbukaan.
	Mengkaji dasar baharu mengenai had umur penggunaan gajet (hlm. 3-21)	Kementerian Komunikasi, KKM, KPM, KPWKM	Langkah proaktif untuk melindungi perkembangan otak dan kesihatan mental kanak-kanak daripada kesan negatif pendedahan skrin yang berlebihan, satu bentuk pemeliharaan akal di era digital.
<b>Hifz al-Nasl (Memelihara Keturunan)</b>	Menubuhkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (hlm. 3-18)	KPWKM, JPM	Reformasi institusi yang mewujudkan sebuah badan khusus untuk memperjuangkan dan menyelaraskan semua dasar berkaitan kanak-kanak, mengukuhkan perlindungan terhadap generasi akan datang.
	Memperkuh institusi keluarga melalui pendidikan keibubapaan (hlm. 3-23)	KPWKM, LPPKN	Integrasi di peringkat asas yang menyokong persekitaran utama untuk tumbesaran kanak-kanak, iaitu keluarga yang stabil dan berpengetahuan.
	Menguatkuasakan Akta Keselamatan Dalam Talian 2024 (hlm. 3-21)	Kementerian Komunikasi, KDN, KPWKM	Perlindungan moden terhadap zuriat daripada ancaman eksploitasi, penderaan, dan buli siber yang boleh merosakkan kesejahteraan fizikal dan emosi kanak-kanak.
	Memanfaatkan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak dalam membuat keputusan (hlm. 3-21)	KPWKM	Anjakan paradigma yang mengiktiraf kanak-kanak sebagai pemegang taruh aktif dalam pembentukan masa depan mereka, memperkasakan zuriat dan selaras dengan konvensyen hak kanak-kanak antarabangsa.
<b>Hifz al-Din (Memelihara Agama &amp; Nilai)</b>	Mempertingkatkan kurikulum dengan fokus kepada pembinaan "insan MADANI" (hlm. 1-22)	KPM	Usaha untuk menerapkan nilai-nilai murni, etika, dan watak yang baik melalui sistem pendidikan, mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perkembangan moral dan rohani..
	Memperkuh institusi keluarga (hlm. 3-23)	KPWKM, LPPKN	Keluarga adalah institusi pertama untuk penanaman nilai agama dan moral. <del>Memperkasakan keluarga adalah langkah asas dalam Hifz al-Din.</del>

<b>Prinsip Maqasid Syariah</b>	<b>Inisiatif Strategik RMK-13</b>	<b>Kementerian/Agensi Peneraju</b>	<b>Analisis Hubungkait &amp; Implikasi</b>
	Menguatkuasakan Akta Keselamatan Dalam Talian 2024 (hlm. 3–21)	Kementerian Komunikasi, KDN, KPWK M	Melindungi kanak-kanak daripada pendedahan kepada kandungan tidak bermoral, melampau, dan merosakkan akhlak, satu langkah penting untuk memelihara nilai dalam persekitaran digital.
<b>Hifz al-Mal (Memelihara Harta)</b>	Memperingkatkan kurikulum dengan fokus kepada literasi kewangan (hlm. 3–6)	KPM	Pelaburan jangka panjang dalam keupayaan generasi akan datang untuk menguruskan harta dan sumber ekonomi mereka secara bijak dan beretika.
	Memperluas dan memperingkatkan "Skim Perubatan MADANI" (hlm. 3–15)	KKM, MOF	Melindungi harta keluarga daripada perbelanjaan kesihatan yang membawa malapetaka, mencegah isi rumah daripada terjerumus ke dalam kancang kemiskinan akibat penyakit.
	Memperluas akses kepada pendidikan keperluan khas (hlm. 3–6)	KPM, KPWK M	Memperkasakan kanak-kanak kurang upaya dengan kemahiran untuk berdikari daripada segi ekonomi pada masa hadapan, memelihara maruah dan harta mereka daripada kebergantungan.

Nota: Semua data Inisiatif Strategik RMK-13 diambil daripada Unit Perancang Ekonomi (2025), RMK-13.

- **Analisis Bersepadu: Sinergi, Jurang, Dan Visi Holistik**

Analisis yang lebih mendalam mendedahkan bahawa kekuatan sebenar inisiatif-inisiatif RMK-13 tidak terletak pada setiap dasar secara individu, tetapi pada kesan sinergi dan saling kebergantungan antara satu sama lain, membentuk satu ekosistem perlindungan kanak-kanak yang holistik (Rokhim, 2022; Habidin et al., 2021; Aguilar & Patemann, 2020; Wulczyn, 2010). Kejayaan reformasi pendidikan (Hifz al-'Aql), sebagai contoh, sangat bergantung kepada kejayaan inisiatif 1,000 Hari Pertama Kehidupan (Hifz al-Nafs). Hakim et al. (2025) dan Birch (1972) menegaskan bahawa otak yang mendapat nutrisi yang baik adalah prasyarat untuk pembelajaran yang berkesan. Reka bentuk dasar yang bersepadu ini menunjukkan pemahaman bahawa kesejahteraan kanak-kanak adalah satu kontinum yang tidak boleh ditangani secara berasingan. Begitu juga, Akta Keselamatan Dalam Talian melindungi kanak-kanak merentasi pelbagai Maqasid secara serentak: ia melindungi nyawa mereka (al-Nafs) daripada bahaya fizikal, akal mereka (al-'Aql) daripada ideologi berbahaya, moral mereka (al-Din) daripada kandungan tidak beretika, dan integriti keluarga (al-Nasl) daripada ancaman pemangsa luar.

- **Anjakan Paradigma: Daripada Perlindungan kepada Pemberdayaan**

Satu anjakan falsafah yang signifikan dalam RMK-13 ialah langkah untuk memanfaatkan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak. Inisiatif ini menandakan evolusi daripada melihat kanak-kanak hanya sebagai objek pasif yang perlu dilindungi (pencegahan mafsadah) kepada mengiktiraf mereka sebagai agen aktif dalam pembangunan diri dan masyarakat (promosi masalah). Pendekatan tradisional terhadap perlindungan kanak-kanak sering tertumpu kepada undang-undang dan agensi yang melindungi mereka daripada bahaya (Higgins et al, 2019; Hamzah, 2018; Waldfogel, 1998). Walaupun RMK-13 mengekalkan elemen ini, ia menambah satu mekanisme untuk penyertaan kanak-kanak dalam proses membuat keputusan. Ini selaras dengan tujuan tertinggi Maqasid Syariah, iaitu bukan sekadar untuk memelihara, tetapi untuk memperkasa dan meningkatkan keupayaan insan. Ia mencerminkan konsep karamah (kemuliaan insan) yang amat dititikberatkan dalam pemikiran Islam, di mana setiap individu, termasuk kanak-kanak, dikurniakan maruah dan hak untuk didengari (Hazban et al., 2025).

## • Mengenal Pasti Potensi Jurang dan Ruang Penambahbaikan

Walaupun dasar-dasar yang digariskan adalah sejajar dengan Maqasid Syariah, keberkesannya bergantung sepenuhnya kepada pelaksanaan. Beberapa potensi jurang perlu diberi perhatian:

1. Jurang Pelaksanaan dan Koordinasi: Walaupun banyak inisiatif melibatkan kerjasama pelbagai kementerian, persoalan timbul mengenai kapasiti pelaksanaan dan tahap koordinasi antara agensi. Adakah terdapat mekanisme perkongsian data dan penyampaian perkhidmatan yang lancar antara KPM, KKM, dan KPWKM untuk mengenal pasti dan membantu kanak-kanak berisiko tinggi? Tanpa integrasi yang kukuh, kanak-kanak berisiko terlepas pandang dalam sistem birokrasi (Fong, 2020; Lestari, 2016; White, 2010).
2. Jurang Pengukuran: Bagaimanakah kejayaan dasar-dasar ini akan diukur? Menurut Liu et al. (2008) bahawa metrik konvensional seperti kadar pendaftaran atau markah peperiksaan tidak mencukupi untuk mengukur kesejahteraan holistik. Terdapat keperluan untuk membangunkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berasaskan Maqasid yang dapat mengukur hasil seperti daya tahan kesihatan mental, kemahiran pemikiran kritis, kadar kestabilan keluarga, dan tahap keselamatan digital (Md Samsudi, 2022).
3. Fokus kepada Rehabilitasi: RMK-13 menunjukkan fokus yang kuat terhadap pencegahan. Namun, perlu dipastikan sama ada terdapat peningkatan yang sepadan dalam perkhidmatan pemulihan dan sokongan untuk kanak-kanak yang telah menjadi mangsa penderaan, eksploitasi, atau pengabaian. Alam et al. (2024) dan Suzuki (2023) menyatakan bahawa keadilan (al-'adl) dalam Maqasid Syariah menuntut bukan sahaja pencegahan jenayah tetapi juga pemulihan mangsa untuk memastikan mereka dapat kembali menjalani kehidupan yang normal dan produktif.

## Cadangan Strategik untuk Pelaksanaan Berpaksikan Maqasid

Berdasarkan analisis bersepadu, beberapa cadangan strategik dikemukakan untuk memastikan pelaksanaan inisiatif RMK-13 mencapai matlamatnya yang luhur dan benar-benar berlandaskan semangat Maqasid Syariah.

### 1. Mewujudkan Indeks Kesejahteraan Kanak-Kanak Kebangsaan Berasaskan Maqasid

Dicadangkan agar Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak yang baru ditubuhkan menerajui pembangunan sebuah indeks komposit untuk mengukur dan menjejaki kemajuan kesejahteraan kanak-kanak secara holistik. Indeks ini perlu melangkaui data ekonomi dan akademik semata-mata, dengan menggabungkan metrik-metrik seperti:

- Petunjuk Kesihatan Mental dan Fizikal (Hifz al-Nafs): Kadar kelaziman kemurungan, kebimbangan, dan obesiti di kalangan kanak-kanak.
- Petunjuk Pembangunan Kognitif (Hifz al-'Aql): Skor pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, bukan hanya skor peperiksaan.
- Petunjuk Kestabilan Keluarga dan Sosial (Hifz al-Nasl): Kadar penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak, dan statistik mengenai penderaan dan pengabaian.
- Petunjuk Keselamatan dan Etika Digital (Hifz al-Din): Tinjauan mengenai pengalaman buli siber dan pendedahan kepada kandungan berbahaya. Indeks ini akan menginstitusikan kerangka Maqasid dalam sistem pemantauan dan penilaian negara, memastikan penggubalan dasar sentiasa berfokuskan hasil kesejahteraan yang sebenar.

## 2. Memperkukuh Integrasi Data Antara Kementerian

Untuk mengatasi jurang pelaksanaan, adalah penting untuk mewujudkan satu platform digital bersepadu bagi pengurusan kes kanak-kanak berisiko. Platform ini harus membolehkan perkongsian maklumat yang selamat dan lancar antara sekolah (KPM), klinik kesihatan (KKM), dan pegawai kebajikan masyarakat (KPWKM). Sebagai contoh, seorang guru yang mengesan tanda-tanda kemurungan atau penderaan terhadap seorang pelajar boleh membuat laporan yang akan diakses serta-merta oleh pegawai kebajikan dan kaunselor kesihatan yang berkaitan. Ini akan mengoperasikan pendekatan ekosistem dan memastikan integrasi yang pantas dan bersepadu.

## 3. Menerapkan Prinsip Maqasid dalam Latihan Profesional

Asas falsafah di sebalik dasar-dasar ini perlu difahami dan dihayati oleh para pelaksana di barisan hadapan. Dicadangkan agar modul latihan mengenai pendekatan pembangunan kanak-kanak berasaskan Maqasid Syariah dibangunkan dan diterapkan dalam kurikulum latihan untuk guru, pekerja kesihatan, pegawai polis, dan pekerja sosial. Latihan ini akan memastikan bahawa semangat (ruh) dasar-dasar tersebut tidak hilang dalam pelaksanaan teknikal, sebaliknya diterjemahkan kepada tindakan yang penuh empati, adil, dan holistik.

## 4. Memperkasa Sokongan Keluarga di Peringkat Komuniti

Walaupun RMK-13 menyebut tentang pengukuhan institusi keluarga, adalah dicadangkan agar lebih banyak sumber disalurkan secara langsung kepada pertubuhan berasaskan komuniti (CBO), masjid, dan rumah ibadat lain yang menyediakan program sokongan seperti kursus keibubapaan, perkhidmatan kaunseling, dan rangkaian sokongan tempatan. Hal ini membina daya tahan komuniti daripada bawah ke atas, mengukuhkan Hifz al-Nasl secara organik.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah menunjukkan penjajaran yang mendalam antara dasar-dasar berpusatkan kanak-kanak dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas dengan lima objektif asas Maqasid Syariah. Daripada memelihara nyawa (Hifz al-Nafs) melalui inisiatif pemakanan, kepada menyuburkan akal (Hifz al-'Aql) melalui reformasi pendidikan, mengukuhkan zuriat (Hifz al-Nasl) melalui sokongan keluarga dan reformasi institusi, memelihara nilai (Hifz al-Din) melalui pembinaan watak, dan menjamin masa depan ekonomi (Hifz al-Mal) melalui literasi kewangan, RMK-13 secara komprehensif menangani keperluan asas untuk pembangunan insan yang seimbang. Ini membuktikan bahawa Maqasid Syariah bukanlah sebuah kerangka yang kuno, tetapi sebuah paradigma universal yang amat relevan untuk membentuk dasar awam yang adil dan holistik.. Dengan secara sedar mengguna pakai lensa Maqasid ini, Malaysia boleh beralih daripada sekadar pelaksanaan dasar kepada realisasi sejati sebuah masyarakat yang benar-benar melindungi, memupuk, dan memperkasakan asetnya yang paling berharga iaitu anak-anaknya.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) atas sokongan dan kelulusan melalui Insentif Persidangan Pasca-Siswazah (IPP), yang memberi ruang penyertaan dalam 10th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2025) serta penyiapannya penulisan artikel ilmiah ini.

## RUJUKAN

- Abdalla, M. (2025). Exploring tarbiyah in Islamic education: A critical review of the English- and Arabic-language literature. *Education Sciences*, 15(5), 559. <https://doi.org/10.3390/educsci15050559>
- Abdullah, A. B. (2022). Malaysian contemporary maqasid al-shariah discourse: current situation, challenges, and prospects. *ICR Journal*, 13(2), 135-138. <https://icrjournal.org/index.php/icr/article/download/939/881>
- Aguilar, A., & Patermann, C. (2020). Biodiplomacy, the new frontier for bioeconomy. *New Biotechnology*, 59, 20–25. <https://doi.org/10.1016/j.nbt.2020.07.001>
- Alam, S., Aunuh, N., & Fajrin, Y. A. (2024). The Concept of Restorative Justice in Islamic Criminal Law: Alternative Dispute Settlement Based on Justice. *KnE Social Sciences*. <https://doi.org/10.18502/kss.v8i21.14779>
- Ali, M. I. (2022). Rights and obligations of husband and wife according to Islamic law in constructing sakina family. *Al Mashaadir: Jurnal Ilmu Syariah*, 3(2), 130-142. <https://doi.org/10.52029/jis.v3i2.94>
- Ali, N. M., Alias, F., Shah, H. A. R., Awang, M. N., & Abu-Mounes, R. (2024). The conceptual nexus between Islamic foresight, Islamic thought and the shariah. *Malaysian J. Syariah & L.*, 12, 62. <https://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjssl/article/download/524/319>
- Amin, M. (2015). Konsep Keadilan dalam Perspektif Filsafat Hukum Islam. *Al-Daulah: Jurnal Hukum Dan Perundangan Islam*, 4(02), 322–343. <https://doi.org/10.15642/ad.2014.4.02.322-343>
- Azhar, A., Hussain, M. A., Md. Nor, M. Z., & Othman, M. K. (2017). Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah : Satu Tinjauan: [Fatawa Research In The Framework Of The Maqasid Al-Sharia: An Overview]. *Ulum Islamiyyah*, 20, 47–65. <https://doi.org/10.33102/uij.vol20no0.40>
- Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N. (2018). Peran Maqasid Syariah Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam Di Malaysia. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies*, 2(1), 35-46. <https://doi.org/10.30983/it.v2i1.741>
- Aziz, A. R. A. (2023). Penerokaan Nilai Agama Berasaskan Maqasid Syariah dalam Meningkatkan Kebahagiaan Keluarga. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002165-e002165. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2165>
- Bernard, H. R., & Ryan, G. (1998). Text analysis. *Handbook of methods in cultural anthropology*, 613. [https://www.academia.edu/download/61321443/bernard\\_ryan20191124-106688-9pm6rv.pdf](https://www.academia.edu/download/61321443/bernard_ryan20191124-106688-9pm6rv.pdf)
- Bin Yusoff, A. S. ., & Bin Mokhtar, . R. . (2021). Keperluan Pematuhan Indeks Al-Maqasid Syariah Bagi Institusi Zakat Di Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(2), 105-122. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.33>
- Birch, H. G. (1972). Malnutrition, learning, and intelligence. *American Journal of Public Health*, 62(6), 773–784. <https://doi.org/10.2105/ajph.62.6.773>
- Ernawati, E., Abdullah, A. G. ., & Subhan, Z. . (2023). Child Participation in Marriage Dispensation in Southeast Asian Muslim Countries from The Perspective of the Convention on the Rights of the Child. *Journal of World Science*, 2(8), 1137–1148. <https://doi.org/10.58344/jws.v2i8.393>

- Fong, K. (2020). Getting eyes in the home: Child protective services investigations and state surveillance of family life. *American Sociological Review*, 85(4), 610-638. <https://doi.org/10.1177/0003122420938460>
- Gofur, A., Nurtresna, R., Mabsuti, M., & Rozlan, A. M. B. . (2023). Domestic Violence: A Comparative Study of Criminal Law Enforcement in Indonesia and Malaysia. *Justice! Law Review Journal*, 2(02), 75–86. Retrieved from <https://tamanlitera.id/ejournal/index.php/lrj/article/view/80>
- Habidin, N. F., Tuan Chik, T. W., Muhamad, U. A., Yee Ong, S. Y., & Mat, D. H. (2021). Cabaran Semasa Dan Inovasi Dalam Sistem Pembelajaran Dan Pendidikan. <https://kaizentrenovationpublishing.com/>
- Hakim, R., Dasrizal, D., & Lahmi, A. (2025). Perkembangan otak dan peran nutrisi dalam mendukung prestasi belajar siswa sekolah dasar. *Pendas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar*, 10(01), 250-259. <https://doi.org/10.23969/jp.v10i01.23431>
- Hamzah, N. A. (2018). Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-kanak Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Kajian dari Perspektif Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989 (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).
- Hasan, S. A., Yahya, M. A., Mohamad, A. B., & Ibrahim, A. F. (2021). Pembangunan Pengukuran Model Indeks Syariah dalam Pelaksanaan Perundangan Islam di Negeri Melaka: Satu Sorotan Awal. *Jurnal'Ulwan*, 6(1), 227-248. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/863>
- Hazban, A. M., Nasir, K. ., Suliaman, I. ., & Suhaimi, A. . (2025). Maruah Kanak-Kanak: Suatu Perspektif Hadis Menjayakan Sustainable Development Goal Ke-16.2 : Children’s Dignity: A Hadith Perspective on Achieving Sustainable Development Goal 16.2. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 12(3), 162–178. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i3.266>
- Hazin, M., Rahmawati, N. W. D., & Shobri, M. (2021). Hak Asasi Manusia Dalam Perspektif Islam Dan Maqashid Al-Syari’ah. *CENDEKIA: Jurnal Studi Keislaman*, 7(1), 101–114. <https://doi.org/10.37348/cendekia.v7i1.123>
- H Higgins, D., Lonne, B., Herrenkohl, T. I., & Scott, D. (2019). The Successes and Limitations of Contemporary Approaches to Child Protection. *Child Maltreatment*, 3–17. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-05858-6\\_1](https://doi.org/10.1007/978-3-030-05858-6_1)
- Ikhsan, M. I., Randawar, D. K., Rani, A. R. A., Ali, S. A. M., & Ramaiah, S. S. (2024). Parental Liability Law in Malaysia for Children’s Misconduct: A Legal Overview. *International Journal of Religion*, 5(4), 179–192. <https://doi.org/10.61707/d2d7e789>
- Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2025, October 3). Maqasid Syariah: Keperluan zaman, cabaran semasa. IKIM. <https://www.ikim.gov.my/maqasid-syariah-keperluan-zaman-cabaran-semasa/>
- Ismail, S. K., & Mutalib, L. A. (2022). Determination of the Malaysian Sharia Index in Health Aspects According to the Perspective of Maqasid Sharia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(10), 1060-1065. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i10/15289>
- Hazin, M., Rahmawati, N. W. D., & Shobri, M. (2021). Hak Asasi Manusia Dalam Perspektif Islam Dan Maqashid Al-Syari’ah. *CENDEKIA: Jurnal Studi Keislaman*, 7(1), 101–114. <https://doi.org/10.37348/cendekia.v7i1.123>

- H Higgins, D., Lonne, B., Herrenkohl, T. I., & Scott, D. (2019). The Successes and Limitations of Contemporary Approaches to Child Protection. *Child Maltreatment*, 3–17. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-05858-6\\_1](https://doi.org/10.1007/978-3-030-05858-6_1)
- Ikhsan, M. I., Randawar, D. K., Rani, A. R. A., Ali, S. A. M., & Ramaiah, S. S. (2024). Parental Liability Law in Malaysia for Children’s Misconduct: A Legal Overview. *International Journal of Religion*, 5(4), 179–192. <https://doi.org/10.61707/d2d7e789>
- Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2025, October 3). Maqasid Syariah: Keperluan zaman, cabaran semasa. IKIM. <https://www.ikim.gov.my/maqasid-syariah-keperluan-zaman-cabaran-semasa/>
- Ismail, S. K., & Mutalib, L. A. (2022). Determination of the Malaysian Sharia Index in Health Aspects According to the Perspective of Maqasid Sharia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(10), 1060-1065. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i10/15289>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Indeks Syariah Malaysia: Model tadbir urus berteraskan Maqasid Syariah. Putrajaya: JAKIM. [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/pengenalan\\_ism.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/pengenalan_ism.pdf)
- Jauhari, I., & Hasballah Thaib, Z. (2023). The Qur’an and Islamic Legal Perspectives on Child Protection. *The Pharos Journal of Theology*, 104(04), 1-13. [http://repository.dharmawangsa.ac.id/679/2/article\\_17\\_vol\\_104\\_4\\_indonesia.pdf](http://repository.dharmawangsa.ac.id/679/2/article_17_vol_104_4_indonesia.pdf)
- Krippendorff, K. (1989). Content analysis. *International encyclopedia of communication*, 1(1), 403-407. [https://www.academia.edu/download/35270347/Content\\_Analysis\\_-an\\_introduction.pdf](https://www.academia.edu/download/35270347/Content_Analysis_-an_introduction.pdf)
- Lestari, S. (2016). Psikologi keluarga: Penanaman nilai dan penanaman konflik dalam keluarga. Prenada Media.
- Liu, C. H., Malti, T., & Noam, G. G. (2008). Holistic student assessments. *New Directions for Youth Development*, 2008(120), 139–149. <https://doi.org/10.1002/YD.289>
- Lisma, L., & Nikmah, R. (2021). Child Care and Protection in Perspective of Legislation, Human Rights and Islamic Law. *Al-Bayyinah*, 5(1), 29-42. <https://doi.org/10.35673/al-bayyinah.v4i2.1333b>
- Mafruhatul Umamah, Mufidah Cholil, & Fadil SJ. (2023). Protection of the Rights of Child Victims of Sexual Violence in the Koppatara Foundation, Malang Regency Perspective Maqāṣid al-Sharī’ah Jasser Auda . *Al-Manhaj: Journal of Indonesian Islamic Family Law*, 5(1), 83-103. <https://doi.org/10.19105/al-manhaj.v5i1.9753>
- Man, S. (2022). Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, accessed May, 31. [https://www.jais.gov.my/wp-content/uploads/2023/12/ARTIKEL-FIQH-SEMASA\\_new.pdf](https://www.jais.gov.my/wp-content/uploads/2023/12/ARTIKEL-FIQH-SEMASA_new.pdf)
- Marbun, N. ., & Simamora, J. . (2025). Father’s Responsibility for Child Maintenance in Divorce. *Golden Ratio of Data in Summary*, 5(2), 284–288. <https://doi.org/10.52970/grdis.v5i2.881>
- Maulida, S., & Ali, M. M. . (2023). Maqasid Shariah Index: A Literature Review. *Maqasid Al-Shariah Review*, 2(1). <https://doi.org/10.58968/msr.v2i1.309>

- Md Samsudi, S. (2022). Family Well-being Index Based on Maqāṣid al-Sharī‘ah. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 15(2), 1–25. <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol15no2.3>
- Misni, M. D., & Kadir, N. A. (2024). Child protection in malaysia: assessing the efficacy of foster care from a legal perspective. *International Journal of Law, Government and Communication*. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.935007>
- Mohd Nor, A., Mohd Zin, N., & Che Soh, R. (2022). Legal Framework for The Protection of Teenage Pregnancies in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(3). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v11-i3/14925>
- Mohd Zahir, M. Z., & Aiman Hakimi Hasmadi, N. A. (2022). Penderaan Emosi terhadap Kanak-kanak dari sudut Perundangan. *Malaysian Journal of Law & Society*, 31. <https://doi.org/10.17576/juum-2022-31-02>
- Mohd Zain, N. R., & Engku Ali, E. R. A. (2017). An Analysis on Islamic Social Finance for Protection and Preservation of Maqasid al-Shari’ah. *Journal of Islamic Finance*, 6, 133–141. <https://doi.org/10.31436/jif.v6i0.262>
- Mohd, R. A., Ghazali, N. M., & Fauzi, N. M. (2021). [Thematic Analysis of Nutrition and Healthy Lifestyle Based on Nutrigenomic in Verse 31 of Surah al-A’raf] Analisis Tematik Pemakanan dan Gaya Hidup Sihat Berasaskan Nutrigenomik Berdasarkan Tafsiran Ayat 31 Surah al-A’raf. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 152-165. <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.3.603>
- Mubarak, N. (2022). Pemenuhan hak anak di Negara-negara Rumpun Melayu - Repository UIN Sunan Ampel Surabaya. <https://doi.org/id/eprint/2915/1/3%201%20document-9.pdf>
- Muda, Z., & Omar, N. (2023). The Authoritative Role of Maqasid Shariah As A Basis for Determining Hukum When Dealing with Contemporary Issues. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 13(4). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i4/16685>
- Muhaki, M., & Aziz, H. (2024). Maqashid Al-Syari ‘Ah Sebagai Instrumen Pembaruan Fiqh Sosial Kontemporer. *Al-Ibrah: Jurnal Pendidikan dan Keilmuan Islam*, 9(2), 125-152. <https://ejournal.stital.ac.id/index.php/alibrah/article/download/476/253/>
- Musa, M., Shah, N. S. M., Rosli, N. S., & Ibrahim, S. N. N. (2021). Kesedaran Ibu Bapa terhadap Amalan Pemakanan Seimbang terhadap Anak-Anak: Parents Awareness on Balanced Nutrition Practices for Children. *Selangor Humaniora Review*, 5(1), 251-259. <https://share.journals.unisel.edu.my/index.php/share/article/view/149>
- Mutalib, L. A., Hashim, H., Mamat, Z., Baharuddin, A. S., Ismail, W. A. F. W., & Hassan, B. M. M. (2024). Pendekatan Siasah Syar‘iyyah Dalam Proses Pembentukan Hukum Fiqh Semasa (Takyīf Al-Fiqhī) Berpandukan Model Fiqh Al-Muwāzanah: Kajian Terhadap Isu Semasa Pandemik Covid-19: The Approach Of Syar‘iyyah In The Formation Process Of Current Fiqh Law (Takyīf Al-Fiqhī) Guided By The Fiqh Al-Muwāzanah Model: A Study On The Current Issues Of The Covid-19 Pandemic. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 76-90. <http://www.al-qanatir.com/aq/article/download/940/610>

- Rabani, M. A. B. (2024). Konsep Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Tarbiyāt Al-Awlād Fī Al-Islām Karya Abdullah Nasih Ulwan (1928-1987) (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau). <http://repository.uin-suska.ac.id/id/eprint/78721>
- Randawar, D. K., Ikhsan, M. I., Rani, A. R. A., Ali, S. A. M., & Ramaiah, S. S. (2025). Prevention over Punishment: Restoring Hope through Malaysian Child Act 2001. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(5), 857-866. <https://doi.org/https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90500070>
- Rizal, M. S., Aliwafa, A., Sugiono, S., & Hakim, L. (2024). Educational Evolution: Sustainable Returnment With Country In The Development Of The Trainer. In *Proceeding Of International Conference On Education, Society And Humanity* (Vol. 2, No. 1, pp. 28-36). <https://ejournal.unuja.ac.id/index.php/icesh>
- Rokhim, A. (2022). Ekosistem Pendidikan dalam Perspektif Al-Qur'an (Doctoral dissertation, Institut PTIQ Jakarta). <https://repository.ptiq.ac.id/id/eprint/1232>
- Ruwiah, R., Harleli, H., Sabilu, Y., Fithria, F., & Sueratman, N. E. (2021). Peran pendidikan gizi dalam pencegahan stunting. *Jurnal Ilmiah Kesehatan*, 14(2), 151-158. <https://doi.org/10.48144/jiks.v14i2.417>
- Saad, H. B. M. (2023). Maqasid memelihara akal (hifz al-'aql) dan hubungannya dengan falsafah pendidikan kebangsaan. *Islamiyyat*.
- Saiman, M., & Mahadzir, I. (2024). Consideration of Benefits (Maslahah) and Harm (Mafsadah) in Child Marriage Cases in Malaysia from the Perspective of Maqasid al-Syariah. *Journal of Multidisciplinary Islamic Studies* EISSN 2785-9223, 4(1), 34-44. Retrieved from <https://majmuah.com/journal/index.php/jmis/article/view/657>
- Salfutra, R. D. (2018). Hak Asasi Manusia Dalam Perspektif filsafat Hukum. *PROGRESIF: Jurnal Hukum*, 12(2), 2146-2158. <https://doi.org/10.33019/progresif.v12i2.977>
- Shaputra, A., & Wartadi, A. (2024). Hak Asasi Manusia Dalam Pandangan Islam. *Jurnal Dialektika Hukum*, 6(1), 1-17. <https://doi.org/10.36859/jdh.v6i1.880>
- Sumarta, S., Burhanudin, B., & Budiyanto, T. (2024). Maqasid Al-Syariah Mendorong Keadilan Dan Keseimbangan Dalam Hukum Islam. *Khulasah: Islamic Studies Journal*, 6(1), 16–31. <https://doi.org/10.55656/kisj.v6i1.120>
- Suzuki, M. (2023). Victim Recovery in Restorative Justice: A Theoretical Framework. *Criminal Justice and Behavior*. <https://doi.org/10.1177/00938548231206828>
- Syahnan, M., & Matsum, H. (2023). The Ideality of Pancasila and Reality of Maqaashid Syariah. *Al-Ulum*, 23(2), 308-329. <https://doi.org/10.30603/au.v23i2.4234>
- Tajudin, A. M., Jayasilan, I., Abdullah, F., Jaiman, C. U. S., Shaari, N., & Zulkifli, N. (2023). Unveiling the shadows: Exploring online sexual grooming in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(11), 1441-1449. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i11/19494>
- Terry, G., Hayfield, N., Clarke, V., & Braun, V. (2017). Thematic analysis. *The SAGE handbook of qualitative research in psychology*, 2(17-37), 25. <https://uwe-repository.worktribe.com/index.php/OutputFile/888534>
- Tharshini, N. K., Mas'ud, F. H., & Hassan, Z. (2022). Level of Cybercrime Threat During the Outbreak of COVID-19 Pandemic: A Study in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(5), 40-51. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i5/13142>

- UNICEF Malaysia. (2023, October 4). Report finds promising government initiatives to help end online violence against children. UNICEF. <https://www.unicef.org/malaysia/press-releases/report-finds-promising-government-initiatives-help-end-online>
- Waldfoegel, J. (1998). Rethinking the paradigm for child protection. *The future of children*, 104-119. <https://doi.org/10.2307/1602631>
- Wimra, Z., Huda, Y., Bunaiya, M., & Hakimi, A. R. (2023). The Living Fiqh: Anatomy, Philosophical Formulation, and Scope of Study. *Juris: Jurnal Ilmiah Syariah*, 22(1). <https://scholar.uinib.ac.id/id/eprint/1862/1/9491-26548-2-PB%20-%20Yasrul%20Huda.pdf>
- White, S., Wastell, D., Broadhurst, K., & Hall, C. (2010). When policy o'erleaps itself: The 'tragic tale' of the Integrated Children's System. *Critical Social Policy*, 30(3), 405-429. <https://doi.org/10.1177/0261018310367675>
- Wulczyn, F., Daro, D., Fluke, J., Feldman, S., Glodek, C., & Lifanda, K. (2010). Adapting a systems approach to child protection: Key concepts and considerations. New York: UNICEF. [http://www.socialserviceworkforce.org/wp-content/uploads/2024/03/Adapting\\_A\\_Systems\\_Approach\\_to\\_Child\\_Protection.pdf](http://www.socialserviceworkforce.org/wp-content/uploads/2024/03/Adapting_A_Systems_Approach_to_Child_Protection.pdf)
- Yasin, M. Z., Noor, M. A., Bibi, A., & Fakhar, A. (2024). The purposeful life: an exploration of life's priorities according to the objectives of Islamic Shariah. *Remittances Review*, 9(2), 574-593. [https://www.academia.edu/download/123772935/Article\\_The\\_Purposeful\\_Life.pdf](https://www.academia.edu/download/123772935/Article_The_Purposeful_Life.pdf)
- Yenni Zuraidah, Sofvia Rianti, & Jalwa Suci Rahmadani. (2024). Implementation of the Concept of Tarbiyah in the Islamic Education Curriculum. *Jurnal Pendidikan Islam*, 1(3), 119-128. <https://doi.org/10.70938/judikis.v1i3.47>
- Zakaria, W. F. A. W., & Long, A. S. (2024). Matlamat Pembangunan Mampan (SDGS) Dalam Kerangka Malaysia Madani Dan Prinsip Maqasid. *International Journal of Islamic Thought*, 25, 160-176. <https://doi.org/10.24035/ijit.25.2024.294>